

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HSC 223 – Sejarah Asia Timur

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan sahaja.

1. “Sebuah negara Jepun hanya muncul akibat pengaruh dari China”. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada pengaruh China dari segi politik di antara abad ke-6 hingga 9.
2. “Agama Shinto pada asasnya tidak merupakan suatu yang benar-benar asli kepada Jepun”. Bincangkan.
3. “Kadar celik huruf yang rendah di zaman Nara tidak menghalang rakyat Jepun daripada menikmati kesenian dan muzik”. Bincangkan.
4. Bincangkan keadaan petani shoen dan sejauhmanakah mereka berjaya memperbaiki kedudukan mereka?
5. Bincangkan hubungan *han* dengan kerajaan pusat (Edo) pada abad ke-17 dan 18 dan sejauhmanakah hubungan ini hanya menguntungkan pusat?
6. Bincangkan perkembangan urbanisasi di zaman awal moden dan sejauhmanakah perkembangan ini mempengaruhi sektor pertanian?
7. “Satu budaya popular yang tulen hanya mula muncul di zaman Edo”. Bincangkan.
8. Bincangkan perkembangan fiudalisme dari zaman Kamakura sehingga zaman Tokugawa dan sejauhmanakah perkembangan perdagangan pada abad ke-18 turut memberi kesan kepada fiudalisme?